

# Pinjaman tanpa faedah untuk B40

Kerajaan disyor laksana skim pembiayaan bantu golongan sasar

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.mu-zamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan disaran memperkenalkan pembiayaan tanpa faedah kepada golongan B40 dalam usaha membantu meningkatkan kualiti kehidupan isi rumah dalam kategori berkenaan.

Pakar ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latif, berkata pembiayaan berkenaan boleh ditawarkan melalui agensi kerajaan atau swasta kepada mana-mana individu B40 memulakan perniagaan.

"Kaedah ini terbukti berjaya di Pakistan apabila lebih 100,000 keluarga dapat meningkatkan pendapatan dan kualiti kehidupan mereka.

"Peminjam boleh membayar lebih daripada jumlah pinjaman asal bagi tujuan hibah yang akan digunakan peminjam lain," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas jurang pendapatan golongan kaya dengan miskin serta di bandar dan luar bandar yang semakin melebar, wa-



*Peminjam boleh membayar lebih daripada jumlah pinjaman asal bagi tujuan hibah yang akan digunakan peminjam lain.*

**Ahmed Razman Abdul Latif,**  
Pakar ekonomi Universiti Putra Malaysia

laupun isi rumah berada dalam kedudukan lebih baik.

Januari lalu, kerajaan Terengganu dilapor menawarkan pinjaman tanpa faedah kepada usahawan negeri itu dengan memperuntukkan RM15 juta bagi tujuan demikian.

Pinjaman menerusi Tabung Usahawan Sejahtera (TUGAS) yang dilancarkan itu adalah tabung pinjaman patuh syariah, manakala Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) diberi tanggungjawab untuk menguruskannya.

Ahmed Razman berkata,

kerajaan boleh mewujudkan lebih banyak bantuan bersasar kepada golongan B40 bagi meningkatkan jumlah pendapatan boleh guna isi rumah.

"Ia bukan seperti Bantuan Sara Hidup (BSH), sebaliknya berkemungkinan boleh dikemukakan dalam bentuk baucar yang diagihkan kepada kumpulan sasar berpandukan faktor lokaliti dan jumlah pendapatan.

"Kaedah ini berupaya mengurangkan jumlah perbelanjaan golongan terbabit, sekali gus meningkatkan jumlah pendapatan boleh guna mereka," katanya.

Beliau turut mencadangkan kerajaan mentakrifkan semula pengelasan kumpulan B40 mengikut petunjuk miskin relatif bagi mengenal pasti jumlah tepat rakyat miskin di negara ini.

Sementara itu, Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Saidatulakmal Mohd, berkata pendidikan adalah platform yang mampu membantu B40 meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

"Pendidikan bukan sahaja mampu memberi peluang tetapi berkeupayaan melahirkan individu berkemahiran untuk menghadapi cabaran pekerjaan, sekali gus menjadikan individu terbabit lebih kreatif dan inovatif dalam pemikiran serta mencari peluang pekerjaan bersesuaian," katanya.